BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

# IQRA'


Bil. 5/2022
MEI
eISBN : 2735-1920






***Majlis Perasmian Bangunan Jabatan Arkib Universiti (JAU)***
PTAR Shah Alam - muka 8






***Live@PTAR UiTMCM: Pengaruh Media Sosial: Usah Berfantasi, Kembali Kepada Realiti***
PTAR Bandaraya- muka 14






***Live@PTAR Tapah: Bibliografi - Terapi Diri Melalui Pembacaan***
PTAR Tapah - muka 20






***Lawatan Pelajar UniKL MSI Kulim Ke PTAR UiTMCPP***
PTAR Permatang Pauh - muka 21






***A Day With PRIMe***
PTAR Machang - muka 24


## PROMOSI@PTAR







*Hak Cipta Terpelihara © 2022 Perpustakaan Tun Abdul Razak*

# LIVE@PTAR UITMCM SIRI 4/2022: PENGARUH MEDIA SOSIAL: USAH BERFANTASI,KEMBALI KEPADA REALITI! 12 MEI 2022

*Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz*







*Program Minda Lestari pada semester ini telah dilaksanakan pada 12 Mei 2022 (Khamis) jam 10.00 pagi.*

*Objektif program ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan mengenai pengaruh media sosial kepada masyarakat dalam dunia moden hari ini yang sememangnya tidak dapat dinafikan dan dilihat faktor utama antara medium komunikasi penting dalam kehidupan seharian.*

*Penggunaan Facebook, Instagram, Twitter , Tik Tok dan sebagainya kepada masyarakat semakin meluas dan fungsinya yang pelbagai turut memberi kelebihan untuk sesiapa sahaja menyebarluaskan maklumat atau berkongsi apa sahaja tentang kehidupan seharian.*

*Media sosial jika digunakan dengan cara yang betul akan memberikan banyak manfaat kepada semua orang dan menjadi sebaliknya apabila disalahgunakan.*

*Seramai 401 orang telah menyertai program ini dan peserta terdiri daripada kakitangan UiTM dan peserta dari agensi luar.*




